

31 JUL 2001

Pahlawan-Publisiti

HARI PAHLAWAN KURANG MENDAPAT PUBLISITI

Oleh: Nin Zairani Mohamed Ali

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Setiap tahun, 31 Julai tidak dibiarkan berlalu tanpa diadakan sambutan Hari Pahlawan bagi memperingati dan menghargai jasa pahlawan negara yang terkorban dan tercedera ketika mempertahankan kedaulatan negara.

Tetapi sejauh manakah rakyat mengetahui adanya sambutan itu dan sedalam mana pula penghargaan mereka terhadap anggota keselamatan yang telah bertungkus lumus menjaga keamanan negara ini.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak ketika ditanya mengenai perkara itu hari ini mencadangkan publisiti lebih meluas mengenainya, diadakan.

Ini kerana yang penting bagi sambutan Hari Pahlawan ialah ianya tidak disambut sebagai satu bentuk amalresam semata-mata, katanya pada istiadat meletak kalungan bunga Hari Pahlawan peringkat kebangsaan di Tugu Peringatan Negara di sini.

"Ia sebagai satu hari untuk rakyat mengingati jasa pahlawan negara selama ini yang telah berjuang dan terkorban dalam perjuangan untuk menjaga keselamatan dan kedaulatan negara," katanya.

Istiadat meletak kalungan bunga itu disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut meletakkan kalungan bunga.

Najib berkata generasi muda khususnya perlu didedahkan dengan sejarah negara mencapai kemerdekaan dan pengorbanan pejuang tanahair dan anggota keselamatan dalam menjaga kedaulatan dan keamanan negara.

"Dalam kita memperingati mereka, kita harus juga tampil untuk memberi sumbangan pada Hari Pahlawan sebagai tanda kita benar-benar hargai jasa mereka," katanya.

Menurut beliau selain sumbangan wang, bantuan dari segi memberi pekerjaan dan kemudahan lain kepada bekas anggota pasukan keselamatan, amat diperlukan.

Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia Datuk Mohamad Abdul Ghani ketika ditemui pada majlis itu bersetuju supaya sambutan Hari Pahlawan diadakan di seluruh negara dengan publisiti yang meluas.

Beliau kecewa kerana tidak ramai yang hadir di Tugu Peringatan bagi sambutan Hari Pahlawan hari ini dan sesuatu perlu dilakukan supaya ramai lagi yang dapat hadir untuk bersama-sama menghayati sambutan ini.

"Cara sambutannya wajar ditingkatkan dari semasa ke semasa. Kita mahu ia disambut seluruh negara dan kempen sempena sambutan itu perlu dibuat secara meluas.

"Cara kita sambut, tak cukup. Hanya (sekadar) mengingati sahaja. Kita perlu buat sesuatu," katanya.

Mohamad berkata rakyat wajar lebih prihatin kepada kepahlawanan dan perjuangan anggota tentera dan anggota keselamatan lain walaupun negara telah aman.

Beliau turut berharap lebih ramai generasi muda menyertai pasukan keselamatan supaya tidak berlaku kekurangan dalam pasukan keselamatan di masa hadapan.

Sementara itu, beberapa pelawat di Tugu Peringatan ketika ditanya secara rambang sama ada mereka tahu bahawa hari ini adalah Hari Pahlawan, rata-rata menjawab "tak tahu" atau "kurang pasti".

"Saya baru tahu bila datang ke sini dan tanya orang kenapa banyak sangat kalungan bunga di bawah Tugu Peringatan," kata seorang pengunjung

yang datang bersama keluarga dari Johor Baharu.

-- BERNAMA

NZ NZ RON